

PEMAKLUMAN BORANG BAYARAN CUKAI PEGANGAN BERNILAI KECIL BAGI PENDAPATAN ROYALTI, FAEDAH DAN PENDAPATAN KELAS KHAS TELAH DIMUAT NAIK PADA PORTAL RASMI HASiL

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa Borang Bayaran Cukai Pegangan Bernilai Kecil bagi pendapatan royalti, faedah dan pendapatan kelas khas seperti jadual yang berikut telah dimuat naik pada Portal Rasmi HASiL (www.hasil.gov.my) .

Jenis Bayaran Cukai Pegangan	Jenis Borang
Pendapatan Royalti & Faedah	CP37S
Pendapatan Kelas Khas	CP37DS

2. Borang-borang ini hanya terpakai untuk bayaran cukai pegangan bernilai kecil yang memenuhi syarat-syarat penangguhan bayaran bermula 1 Ogos 2022 seperti yang berikut:
 - a. Amaun bayaran cukai pegangan tidak melebihi RM500.00 bagi satu transaksi bayaran; dan
 - b. Transaksi bayaran amaun kecil berlaku lebih sekali dalam tempoh enam (6) bulan berkenaan.

3. Tempoh bayaran yang dibenarkan adalah seperti yang berikut:
 - a. Pada atau sebelum 30 Jun bagi transaksi bayaran antara 1 Disember tahun sebelum hingga 31 Mei tahun semasa; dan
 - b. Pada atau sebelum 31 Disember bagi transaksi bayaran antara 1 Jun hingga 30 November tahun semasa.
4. Borang-borang di atas boleh diakses dan dimuat turun dari Portal Rasmi HASiL melalui pautan di bawah:
<https://www.hasil.gov.my/borang/muat-turun-borang/muat-turun-borang-cukai-pegangan>
5. Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada HASiL melalui:
 - a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
 - b) HASiL Live Chat; dan
 - c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas
<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>

#

SEKIAN, TERIMA KASIH**Building Sustainable Future
TOGETHER**

MALAYSIA

Dikeluarkan Oleh:**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Customer Care Officer: 019-651 1100

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my**Tarikh: 27 Oktober 2022**